

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**BEBERAPA ASPEK EPISTEMOLOGI ISLAM MENURUT MANUSKRIP MELAYU
UNTUK PENDIDIKAN WARGA EMAS: SATU ANALISIS TERHADAP
*TIBYĀN AL-MARĀM DAN DAWĀ' AL-QULŪB***

**[SOME ASPECTS OF ISLAMIC EPISTEMOLOGY ACCORDING TO MALAY
MANUSCRIPT ON EDUCATION FOR ELDERLY: AN ANALYSIS OF
TIBYĀN AL-MARĀM AND DAWĀ' AL-QULŪB]**

MOHD ANUAR MAMAT^{1*}

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 78100 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: anuarmamat@usim.edu.my

Received Date: 1 July 2022 • Accepted Date: 15 December 2022

Abstrak

Menjelang 2030 warga emas di Malaysia menjangkau 15 peratus daripada jumlah penduduk. Indikator ini menunjukkan bahawa Malaysia akan bergelar negara tua dalam tempoh lapan tahun sahaja lagi. Hal ini tentunya mengundang pelbagai cabaran dan memerlukan persediaan awal dalam pelbagai sektor termasuklah bidang agama dan juga pendidikan. Dengan ini, terdapat pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan warga emas, namun belum ditemui lagi kajian berkaitan pembelajaran Islam sepanjang hayat untuk warga emas yang memenuhi struktur pembelajaran Islam, tradisi keilmuan dan epistemologi Islam serta andragogi, sedangkan minat mereka terhadap pembelajaran amat menggalakkan. Hal ini menyebabkan pembelajaran yang mereka ikuti menimbulkan pelbagai masalah dari sudut kandungan, struktur, fokus dan juga kaedah pembelajaran. Oleh itu, dengan menggunakan metode analisis kandungan, artikel ini mengemukakan analisis beberapa aspek epistemologi Islam dalam manuskrip Melayu. Dua manuskrip Melayu terpilih sebagai sampel kajian akan dianalisis secara tematik untuk melihat aspek epistemologi merangkumi konsep ilmu dan juga pembahagian ilmu. Aspek epistemologi ini amat penting dalam membentuk struktur dan kandungan pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas. Dapatan kajian ini seterusnya berpotensi dikembangkan dengan lebih terperinci dalam untuk membentuk kerangka pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas selaras dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) serta Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PWTEN).

Kata kunci: Epistemologi Islam, manuskrip Melayu, pendidikan sepanjang hayat, warga emas, kajian manuskrip.

Abstract

In 2030 the elderly population in Malaysia is about 15%. This indicator reveals that Malaysia will become a “Negara Tua” within next 8 years. This situation become various challenges and need to prepare regarding the religion and education sectors. Hence, there are many studies conducted related to the elderly, however the study pertaining lifelong learning for elderly based on Islamic structure and tradition, epistemology and andragogy is limited, while their passion to learning are very high. Due to this situation, it leads to a lot of problems in the content, structure and method. Therefore, based on content analysis method, this article will analyze some aspects of Islamic epistemology based on Malay manuscripts. Two selected Malay manuscripts as a research sample are chosen in analysing thematically the epistemological issues including the concept of knowledge and its classification. These epistemological issues are greatest important to construct the structure and content of lifelong learning for elderly. This finding can be further discussed in details to construct the lifelong learning for elderly in line with “Dasar Warga Emas Negara (DWEN)” and “Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PWTEN)”

Keywords: *Islamic Epistemology, Malay manuscript, lifelong learning, elderly, manuscript studies.*

Cite as: Mohd Anuar Mamat. 2022. Beberapa Aspek Epistemologi Islam Menurut Manuskrip Melayu Untuk Pendidikan Warga Emas: Satu Analisis Terhadap *Tibyān al-Marām* dan *Dawā' al-Qulūb* [Some Aspects of Islamic Epistemology According to Malay Manuscript on Education for Elderly: An Analysis of *Tibyān al-Marām* and *Dawā' al-Qulūb*]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 23(3), 96-111.

PENGENALAN

Menjadi fitrah kehidupan bahawa setiap manusia akan melalui pelbagai fasa dalam kehidupan. Bermula dengan bayi, meningkat dewasa dan seterusnya akan tiba usia tua. Kitaran hidup ini merupakan aturan dan Sunnah Allah SWT terhadap manusia. Dalam konteks populasi penduduk di Malaysia, menjelang 2030 warga emas menjangkau 15 peratus daripada penduduk di negara ini (<https://www.dosm.gov.my/>). Hal ini menunjukkan indikator bahawa Malaysia akan bergelar sebuah negara tua dalam tempoh lapan tahun sahaja lagi. Hal ini tentunya mengundang pelbagai cabaran dan memerlukan persediaan dalam pelbagai sektor termasuklah bidang pendidikan. Justeru, terdapat pelbagai kajian berkaitan warga emas, namun belum ditemui model pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH) untuk warga emas yang memenuhi struktur pembelajaran Islam dan prinsip pembelajaran dewasa (andragogi), sedangkan minat mereka terhadap pembelajaran amat menggalakkan. Hal ini menyebabkan pembelajaran yang mereka ikuti bermasalah dari sudut kandungan dan juga pedagogi. Oleh itu, artikel ini bertujuan meninjau beberapa aspek epistemologi Islam dalam manuskrip Melayu. Untuk menjadikan penulisan ini berfokus dua manuskrip Melayu terpilih iaitu *Tibyān al-Marām* dan *Dawā' al-Qulūb* akan dianalisis secara tematik untuk melihat aspek epistemologi merangkumi konsep ilmu, galakan menuntut ilmu tanpa mengira usia dan juga pembahagian ilmu. Aspek epistemologi ini amat penting dalam membentuk struktur dan kandungan pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas. Penulisan ini seterusnya berpotensi dikembangkan dengan

lebih mendalam dalam menjamin kelestarian beragama warga emas dalam meniti kehidupan mereka dan menjayakan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) serta Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PWTEN).

KONSEP WARGA EMAS DAN ISU PEMBELAJARAN

Dalam perbincangan semasa, warga tua turut dikenali sebagai individu yang tua, berusia emas atau warga emas. Terdapat beberapa definisi warga emas yang diguna pakai di Malaysia mahupun pada peringkat antarabangsa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), warga emas ditakrifkan sebagai orang yang sudah tua. Manakala menurut Dasar Warga Emas Negara (DWEN) pula, warga emas atau warga tua adalah mereka yang umur melebihi 60 tahun (lihat di laman <http://www.jkm.gov.my/>). Hal ini selaras dengan takrifan pada peringkat antarabangsa, menurut *'World Assembly on Aging in 1982'* di Vienna, warga tua atau warga emas juga ditakrifkan kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Sementara itu, di negara maju dan membangun, Nor Raudah (2015) memberikan takrifan warga tua ialah mereka yang melebihi 65 tahun disebabkan oleh taraf ekonomi, pendidikan, taraf kesihatan yang lebih tinggi, kemudahan perubatan yang lebih mantap dan jangka hayat yang lebih panjang, berbanding dengan negara yang sedang membangun (Syahidah Husna, 2020).

Menurut Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia, menjelang 2030, peratusan rakyat Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas dijangka akan meningkat kepada 15 peratus (<https://www.dosm.gov.my/>). Berdasarkan statistik tahun 2020 pula, jumlah penduduk negara ini yang berusia 65 tahun dan ke atas meningkat kepada 2.23 juta pada suku keempat tahun 2019 berbanding 2.14 juta bagi tempoh sama pada 2018 (<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/543660>). Oleh yang demikian, kesemua data tersebut menjadi indikator yang jelas bahawa kita sememangnya menuju ke arah status negara tua menjelang 2030. Menurut Nik Norliati (2018), peningkatan jumlah warga emas sebenarnya turut disumbangkan oleh faktor-faktor positif sosioekonomi seperti peningkatan taraf pendidikan, pekerjaan, tahap penjagaan kesihatan, penurunan kadar kematian dan peningkatan jangka hayat individu (Syahidah Husna, 2020).

Peningkatan jumlah warga emas ini tentunya memerlukan persediaan rapi oleh pihak kerajaan dan pelbagai kementerian. Ia juga mengundang pelbagai cabaran kepada negara. *Population Ageing in Malaysia: A Mosaic of Issues, Challenges & Prospects* (2015) telah membincangkan lima isu utama yang mendepani warga emas di Malaysia iaitu kesihatan, ekonomi, sosial, psiko-spiritual dan juga persekitaran (Syahidah Husna, 2020). Namun kajian tentang hal tersebut belum banyak dibuat, khususnya tentang aspek psikospiritual dan pendidikan warga emas dalam menjamin kelestarian dan kebahagiaan hidup mereka (Muhammad Khairi Mahyuddin et.al, 2018). Malah Syahidah Husna (2020) dan Muhammad Shuib Norudin (2019) dalam kajian mereka berdua mencadangkan pihak berkuasa amat wajar memberi perhatian dan fokus kepada pembangunan intelek melalui pendidikan sepanjang hayat dan sokongan fizikal melalui pelbagai kemudahan untuk warga emas menjelang 2030. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa pendidikan dan ilmu merupakan aspek yang penting dan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat perlu dihayati untuk melahirkan masyarakat peribelaajar dan berpencerahan sebagaimana yang disasarkan oleh kerajaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Walaupun begitu, secara prinsipnya Malaysia dilihat telah bersedia untuk menangani cabaran negara tua dan peningkatan populasi warga emas. Pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan seperti Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas. Peranan kerajaan dilihat amat penting dalam mendepani isu-isu berkaitan warga tua memandangkan sistem sokongan kekeluargaan yang sedia ada sekarang dilihat tidak mampu untuk mendepani isu-isu berkaitan warga emas seperti kesunyian, dementia, sokongan sosial dan status kesihatan mental & fizikal (Ahmad Shukri & Norliza, 2018). Langkah kerajaan yang mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi memberi ruang warga emas melakukan aktiviti komuniti adalah sangat baik. Namun, program dan pengisian perlu berstruktur dan terancang dengan disokong oleh kajian ilmiah. Oleh yang demikian, adalah amat perlu dilihat aspek pembelajaran Islam warga emas supaya pelbagai aktiviti pendidikan terhadap mereka dapat dilaksanakan dengan baik. Pelaksanaan tersebut pula haruslah selaras dengan epistemologi Islam demi menjamin aktiviti pembelajaran mereka bersesuaian dan tepat. Tambahan pula, mutakhir ini pihak kerajaan khususnya melalui Kementerian Pendidikan, amat menggalakkan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, Pelan Induk Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH 2011-2020) dan Wawasan Kemakmuran bersama 2030 secara jelas menekankan pembelajaran sepanjang hayat kepada semua lapisan masyarakat. Namun untuk warga emas khususnya, belum ada kajian yang khususnya melihat persoalan ini. Hal ini menyebabkan mereka menyertai pelbagai program pembelajaran sepanjang hayat tanpa struktur pembelajaran yang tepat (Muhammad Shuib Norudin, 2019). Sebagai contoh, antara pembelajaran sepanjang hayat yang diminati ialah pembelajaran dan mendalami agama Islam di masjid, surau dan institusi pondok (Arasy & Mashitah, 2019; Mariam et.al, 2107). Namun dengan ketiadaan model, struktur dan bentuk program yang sesuai membawa kepada pendedahan terhadap pembelajaran yang tidak sesuai dari segi kandungan dan pedagogi. Berkenaan kandungan pula, yang ia merupakan asasnya dibangunkan oleh kerangka epistemologi, pembelajaran mereka menjadi sukar dan yang lebih parah mengundang kepada kesalahan fahaman terhadap agama.

Manakala dari aspek metode pula, pembelajaran warga emas kelihatan tidak dibangunkan berdasarkan teori dan prinsip pembelajaran orang dewasa (andragogi). Keperluan kepada aspek struktur, kandungan dan metode yang selaras dengan epistemologi Islam ini amat penting dalam memberi arah pembelajaran warga emas agar semangat belajar itu dapat dimanfaatkan dengan tepat. Tinjauan awal terhadap struktur pembelajaran ini juga sebenarnya telah dijelaskan secara tuntas dalam karya-karya pendidikan Alam Melayu, khususnya perbincangan mengenai epistemologi Melayu (Mohd Anuar, 2017; 2020; Muhammad Mustaqim & Mohd Anuar, 2020). Para sarjana Melayu terdahulu menulis pelbagai karya dan menyuburkan Pendidikan di Alam Melayu tanpa mengira usia sehingga ia menjadi budaya dan ciri tamadun Melayu suatu ketika dahulu (Wan Mohd Nor, 2019; Muhammad Mustaqim, 2016). Justeru, artikel ini menganalisis beberapa aspek epistemologi Melayu dalam manuskrip Melayu terpilih yang berpotensi untuk dijadikan landasan dan model awal untuk pendidikan Islam warga emas di Malaysia.

BEBERAPA ASPEK EPISTEMOLOGI ISLAM BERDASARKAN MANUSKRIP MELAYU TERPILIH

Sebagaimana yang dikemukakan di atas, adalah menjadi suatu keperluan utama kajian dan penulisan berkait pembelajaran Islam warga emas berdasarkan epistemologi Melayu yang memenuhi struktur dan prinsip pembelajaran dewasa (andragogi) dibuat dan dibangunkan. Oleh itu, artikel ini akan meninjau beberapa aspek epistemologi dalam dua manuskrip utama mengenai pendidikan iaitu *Tibyān al-Marām* dan *Dawā' al-Qulūb*. Tumpuan khusus juga melibatkan dua tema utama, iaitu konsep ilmu dan pembahagiannya yang sesuai untuk pendidikan Islam warga emas di Malaysia.

1. *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*

a. Pengenalan Manuskrip

Pada bahagian ini dikemukakan terlebih dahulu pengenalan ringkas dan beberapa aspek kodikologi kepada naskhah manuskrip yang dikaji dalam penulisan ini. Kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* merupakan salah sebuah naskhah manuskrip genre sastera kitab yang membincangkan perihal ilmu, pendidikan, adab dan perkara yang berkaitan dengannya. Ia merupakan sebuah karya terjemahan yang disimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), bersama-sama sekumpulan manuskrip yang diberi nombor panggilan MSS 2906. Dari aspek fizikal, naskhah MSS 2906 ini terdiri daripada 20 kuras berjahit namun tidak berkulit jilid dengan ketebalan 226+4 folio yang bersaiz 22.3 cm x 16.4 cm. Ia ditulis dengan menggunakan kertas *laid* Eropah yang berwarna putih kekuningan, berlubang-lubang kecil di kesemua halaman tanpa menjejaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tiga bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil (*tre-lune*) dengan tanda kecil (*countermark*) VG dan PG. Folio 1a agak kotor, lusuh dan berwarna kuning gelap disebabkan terdedah kepada asap, kotoran, air dan penggunaan yang kerap selain ketiadaan kulit jilid namun tulisannya masih jelas dan boleh dibaca. Bilangan baris setiap folio ialah antara 15 dan 16 baris dan tulisan adalah kemas dan konsisten (M. Mustaqim & Mohd Anuar, 2014; 2020).

Manuskrip MSS 2906 (B) *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini asalnya merupakan sebuah terjemahan daripada karya berbahasa Arab karangan Imam Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī al-Kāshgharī (m.705H/1305M) yang bertajuk *Ṭalibah al-Ṭalabah*. Karya ini juga agak asing dan ia masih berstatus manuskrip serta belum lagi ditemui dalam penulisan para pengkaji pendidikan Islam kontemporari. Ia juga belum lagi dicetak walaupun para penulis biografi sarjana Islam seperti al-Ziriklī dan juga al-Babānī menyenaraikannya sebagai salah satu karya sah beliau (al-Ziriklī, 1999; al-Baghdādī 1955). Di samping itu, agak menariknya, kitab ini juga mempunyai pengaruhnya yang tersendiri yang mana ia telah dihuraikan oleh Muḥammad bin Ziyād al-Shar'abī (m.1135H/1722M) lebih kurang empat ratus tahun selepas terhasilnya kitab ini. Teks asal kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahannya oleh al-Shar'abī dijadikan sumber kepada penulisan kitab *Tibyān al-Marām* ini dan ulasan tambahan daripada penterjemah menjadikan ia satu karya yang unik sesuai dengan tradisi dan amalan pendidikan Islam di Alam Melayu. Ia merupakan asas dan panduan kepada para pelajar terutamanya di Aceh Darussalam

yang merupakan pusat keilmuan Islam abad ke-18M. Berdasarkan populariti dan kewibawaan karya ini ia kemudiannya diterjemahkan kepada bahasa Melayu aksara Jawi oleh sarjana Aceh ketika itu dan menamakannya sebagai *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. Atas kepentingan dan pengaruh kitab ini, suntingan terhadapnya telah diusahakan oleh M. Mustaqim & Mohd Anuar (2020). Suntingan dan kajian terhadap kitab ini telah pun diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2020.

b. Aspek Epistemologi dalam *Tibyān al-Marām*

Aspek epistemologi pertama penting dikemukakan dalam *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ialah berkenaan dengan konsep ilmu. Aspek ini diberi perhatian oleh penulis dan beliau menjelaskan hal ini secara khusus dalam fasal pertama, ketiga dan keempat dalam kitab ini. Hal ini menunjukkan kepentingan para pendidik memahami konsep asas ilmu dan pembahagiannya (Mohd Anuar & Che'Razi, 2020) untuk tujuan perubahan dan perencanaan kurikulum pendidikan kepada pelajar pendidikan Islam, khususnya kelompok warga emas.

Mengenai konsep asas ilmu, kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* menjelaskan sebelum terlibat dengan pendidikan para pendidik, guru dan pelajar sepatutnya memahami apa itu ilmu? Hal ini disebabkan ilmu merupakan perkara utama yang ingin disampaikan dalam sistem pendidikan Islam. Mengenai hal ini, penulis *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* menjelaskan ilmu dengan dua kata kunci utama iaitu takrifan iaitu ilmu dan juga fiqh (Mohd Anuar & Che'Razi, 2020). Beliau memilih takrifan ilmu yang merujuk kepada ilmu sebagai salah satu sifat, yakni sifat kepada diri insan yang dikurniakan secara khusus dan istimewa berbanding segala makhluk yang lain (f.18a). Oleh yang demikian, maksud ilmu ialah:

وأما العلم فهو صفة ينجلي بها لمن قامت به.

Ertinya: dan adapun ilmu itu, maka iaitu suatu sifat yang nyata dengan dia barang yang maklum bagi orang yang berdiri yang demikian sifat dengan dia akan sebagai nyata yang sempurna.

Berdasarkan petikan di atas, menurut kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ilmu itu adalah suatu sifat yang istimewa pada diri insan. Ia juga turut menjelaskan bahawa sifat ini berperanan menjadikan sesuatu perkara itu jelas, nyata, terang dan maklum kepada diri manusia. Ilmu itu pada pandangan manuskrip *Tibyān al-Marām* sebenarnya sesuatu yang nyata lagi menerangi diri insan seumpama cahaya yang menerangi sesuatu. Menarik untuk dikemukakan dalam perbincangan ini, apabila diselidiki lebih lanjut berkenaan takrifan ini menunjukkan bahawa ia bukan takrifan asing atau terpendil dalam perbincangan epistemologi Islam. Takrifan ini merupakan salah satu takrifan utama yang dikemukakan oleh sarjana Islam (Mohd Zaidi, 2009). Bahkan ia hampir sama dengan takrif yang dikemukakan oleh Imam Maymūn bin Muḥammad al-Nasafī (m.507H) dan Imam Sa'ad al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar al-Taftāzānī (m.793H), yang merupakan sarjana terkemuka dalam bidang akidah, epistemologi Islam dan ilmu feqah (Mohd Anuar & Che'Razi, 2020). Konsep asas inilah yang harus dijadikan panduan utama dalam merangka struktur kurikulum pendidikan Islam khususnya kepada warga emas agar pembelajaran mereka selaras dengan konsep ilmu yang sebenar.

Menguatkan lagi fahaman dan pendapat ini, *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* menukilkan kata-kata Imam Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) mengenai kaitan antara ilmu dan al-fiqh ini. Imam Abū Ḥanīfah antara sarjana yang terawal memperkenalkan istilah al-fiqh yang merujuk kepada ilmu. Dalam karyanya yang bertajuk al-Fiqh al-Absaṭ, beliau menyatakan fiqh dalam agama adalah lebih baik daripada fiqh dalam hukum. Fiqh di sini merujuk kepada ilmu, iaitu ilmu akidah itu lebih utama berbanding ilmu tentang hukum-hakam (Abū Ḥanīfah, 2001). Mengenai hal ini penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* berkata (f.18a-18b):

وقال أبو حنيفة رضي الله عنه: الفقه معرفة النفس ما لها وما عليها. وقال: ما العلم إلا العمل به، والعمل به ترك العاجل للأجل.

Ertinya: dan telah berkata Imam Abū Ḥanīfah raḍīya Allāh ‘anhu: bermula fiqh itu iaitu mengetahui oleh manusia akan barang yang harus baginya, iaitu daripada segala barang yang harus pada hukum Syarak dan mengetahui akan barang yang dituntuti akan dia daripadanya, dan iaitu pekerjaan yang wajib dan yang sunat dan yang haram dan yang makruh. Dan berkata ia: tiadalah ilmu itu melainkan diamalkan dengan dia. Bermula diamal dengan dia iaitu ditinggalkan yang segera yang dibangsakan dia pada dunia iaitu daripada segala lazat yang dibangsakan dia kepada keinginan dan daripada segala bahagian yang dibangsakan dia kepada hawa nafsu kerana pekerjaan yang tangguh dan iaitu pembalas daripada Allah Taala dan mendapat keredaan-Nya dan bersempunglah dengan orang yang telah dipelihara Allah Taala akan dia.

Perkara kedua dalam epistemologi ialah berkaitan dengan pembahagian ilmu sebagai asas kepada penyusunan struktur kandungan pembelajaran Islam warga emas. Menurut kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*, ilmu itu dibahagikan kepada beberapa pembahagian. Antara yang utama dikemukakan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini ialah pembahagian ilmu berdasarkan *ḥāl* seseorang insan. Penulis *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* menjelaskan (f.12a-12b):

كما يقول: العلم علم الحال وأفضل العمل حفظ الحال. فالفریضة على المسلم طلب ما يقع في حاله.

Ertinya: seperti barang yang sabit ia pada yang terlebih masyhur daripada segala perkataan iaitu: bermula ilmu itu *ḥāl*, ertinya bermula ilmu yang terafdal itu yang ia fardu ain dituntutnya. Dan yang wajib didahulukannya itu ilmu *ḥāl* ertinya ilmu yang kehendak kepadanya padanya kerana sah amal atau kerana sah muamalat atau seumpama yang demikian itu. Ertinya: dan yang terlebih afdal daripada segala amal itu memelihara *ḥāl*, ertinya dan yang terafdal daripada segala amal yang dihampirkan dengan dia kepada Allah daripada amal yang wajib dan yang sunat itu memelihara *ḥāl* dengan bahawa tiada mensia-sia oleh hamba Allah akan barang yang wajib ia atasnya pada sekarang daripada segala amal, dan bahawa bimbang ia dengan barang yang akan wajib atasnya pada masa yang lagi akan datang; Ertinya: maka yang fardu atas orang yang Islam menuntut barang yang Islam, dan demikian lagi orang yang kafir

dituntutkan ilmu bagi barang yang jatuh ia baginya pada waktu yang ia dalamnya.

Oleh itu, ilmu *ḥāl* yang dimaksudkan merupakan ilmu yang utama, wajib dan paling afdal dituntut oleh setiap orang Islam, lelaki mahupun perempuan. Dalam memahami pembahagian ilmu *ḥāl* ini, manuskrip ini juga menegaskan ilmu *ḥāl* bukan sahaja bermaksud memperolehi ilmu semata-mata secara pasif, malah ilmu *ḥāl* ini menuntut setiap insan melaksanakan ilmu tersebut, atau dengan kata lain sesuatu amal-ibadat itu tidak sah tanpa adanya ilmu *ḥāl* ini. Untuk menjelaskan lagi pembahagian ilmu ini, kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* menyatakan dengan lebih terperinci huraian ilmu *ḥāl* berserta contoh-contohnya. Beliau menjelaskan bahawa ilmu *ḥāl* ini tidak terhad kepada ilmu feqah sahaja sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang, malah ia merangkumi ilmu akidah dan juga tasawuf.

Berdasarkan pembahagian sebegini, ilmu *ḥāl* yang dimaksudkan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini dalam erti kata lain atau menurut sarjana lain adalah ilmu Fardu Ain khususnya al-Zarnūjī (1986) dan al-Ghazālī (al-Ghazālī, 1999; Mukhlas, 2007). Al-Zarnūjī juga menamakan ilmu ini sebagai ilmu *ḥāl* dan apa yang dikemukakan oleh manuskrip *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini adalah selaras dengan perbincangan al-Zarnūjī dalam karyanya *Ta'lim al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum*. Manakala bagi al-Ghazālī pula, beliau menggunakan istilah ilmu Fardu Ain, iaitu ilmu yang menjadi kewajipan kepada setiap insan secara individu (*'aynī*) yang berkuasa dan merdeka (Wan Mohd Nor, 2017). Beliau seterusnya mentakrifkan ilmu Fardu Ain adalah sebagai “ilmu tentang tatacara amal perbuatan yang wajib. Oleh itu, barang siapa yang telah mengetahui ilmu yang wajib berserta waktu wajibnya, bererti dia telah mengetahui ilmu fardu ain tersebut” (Wan Suhaimi, 2019). Oleh yang demikian, takrifan ilmu *ḥāl* dalam manuskrip *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini kelihatan hampir sama dengan apa yang telah dirumuskan oleh al-Zarnūjī dan al-Ghazālī mengenai ilmu Fardu Ain iaitu ilmu yang wajib dituntut berserta dengan waktu wajibnya. Dengan ini, adalah sewajarnya pembahagian ilmu ini dijadikan asas dalam kepada penyusunan struktur kandungan pembelajaran Islam warga emas.

2. *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*

a. Pengenalan

Manuskrip kedua yang dijadikan sumber analisis terhadap aspek epistemologi untuk penyusunan struktur kandungan pembelajaran Islam warga emas ialah kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* karya karya Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien. Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini membawa maksud “Ubat Segala Hati daripada Segala Aib”, ia merupakan sebuah kitab dalam genre ilmu Tasawuf secara amnya. Kitab ini selesai disusun pada Rabi'ul Akhir tahun 1237H bersamaan Januari 1822M, dan ia dibahagikan kepada beberapa fasal. Antaranya, mukadimah, fasal berkenaan adab orang alim, adab orang yang belajar, fasal menjauhi maksiat anggota, taat dalam hati dan segala maksiat hati serta diakhiri dengan penutup. Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini mula diperkenalkan oleh Syeikh Isma'īl ibn 'Abd Muṭallib al-Ashī melalui kumpulan karangan ulama Aceh di dalam kitab berjudul *Jam'u Jawāmi' al-*

Muṣannafāt. Melalui kumpulan karya ini Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien mula dikenali ramai (Wan Mohd Shaghir, 2007).

Kitab *Jam ‘u Jawāmi ‘ al-Muṣannafāt* ini disusun (diedit) oleh Isma‘īl ibn ‘Abd al-Muṭallib al-Ashī, ia merupakan kitab terpenting kepada masyarakat Aceh dan dipelajari di pasentren atau Dayah. Ia merupakan sebuah kitab yang terdiri daripada lapan karangan yang dikarang oleh enam orang ulama Aceh yang muktabar pada abad ke-19M. Oleh sebab ia merupakan kitab penting dan utama kepada masyarakat Aceh, kitab ini juga dikenal dengan Kitab Lapan. Antara ulama dan karya mereka yang dikumpulkan dalam kitab ini ialah Jalāluddīn ibn ‘Arif Billah Jamaluddin (kitabnya *Hidāyat al-‘Awwām* dan *Farā’id al-Qur’ān*), ‘Abdullāh al-Ashī (*Shifā’ al-Qulūb*), ‘Abd al-Ra’uf al-Fanṣūrī (*al-Mawā’iz al-Badī’ah*), Muḥammad Khaṭīb Langgien (*Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb*), Muhammad Zayn ibn al-Faqīh Jalāluddīn al-Ashī (*Kashf al-Kirām* dan *Talkhīṣ al-Falāḥ*), dan Jamaluddīn ibn ‘Abdullāh (*I’lām al-Muttaqīn*) serta Risalah *Fāl*.

Dalam koleksi *Jam ‘u Jawāmi ‘ al-Muṣannafāt* ini, kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* terletak pada susunan kitab yang ketujuh, bermula halaman 92-125 (Isma‘īl, t.t.). Susunan kitab ini pada kedudukan yang ketujuh adalah berdasarkan metodologi penulisan kitab oleh Isma‘īl ibn ‘Abd al-Muṭallib al-Ashī, yang mana beliau menyusun berdasarkan ketertiban ilmu, bermula dengan kitab *Hidāyat al-‘Awwām* yang menghimpunkan akidah dan fiqh kemudian berakhir dengan ilmu tasawuf iaitu kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* dan *I’lām al-Muttaqīn*. Secara keseluruhan, kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* ini banyak persamaannya dengan *Hidāyat al-Sālikīn* karya Syeikh ‘Abd al-Ṣamad Palembang terutamanya turutan perbahasan dan isi kandungan (Wan Mohd Shaghir, 2007). Walaupun begitu, ia bukanlah merupakan karya nukilan semula atau ringkasan daripada *Hidāyat al-Sālikīn*, bahkan beliau turut membuat tambahan dan huraian untuk menjelaskan lagi isi kandungan yang dibincangkan dalam *Hidāyat al-Sālikīn*. Tambahan pula, guru beliau Syeikh Muḥammad Ali juga merupakan murid kepada Syeikh Abd al-Ṣamad Palembang (Wan Mohd Shaghir, 2007) yang memungkinkan wujudnya jaringan keilmuan dan penerusan kepada perbahasan yang ada dalam *Hidāyat al-Sālikīn*.

Selain cetakan lama kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb*, hasil tinjauan terhadap repositori manuskrip Melayu, masih banyak ditemui manuskrip kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* ini walaupun pada 2007, Wan Mohd Shaghir mengatakan bahawa beliau belum pernah menemuinya (Wan Mohd Shaghir, 2007). Namun begitu, berkat usaha pencarian dan perolehan serta proses digitalisasi sekarang ini, didapati beberapa naskhah manuskrip kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* masih lagi wujud. Di PKMM, PNM misalnya, terdapat 12 naskhah manuskrip kitab tersebut. Manakala, berdasarkan carian di laman web pula, khususnya melalui British Library dan Pusat Manuskrip Dayah Tanoh Abee, terdapat tambahan tiga lagi manuskrip kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb*. Maka secara umumnya, paling kurang terdapat 15 naskhah manuskrip kitab ini yang dijumpai. Hal ini cukup membuktikan bahawa kitab ini merupakan karya sah Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien dan ia merupakan kitab yang masyhur dan terkenal serta berwibawa. Selain itu, ia juga masih lagi dicetak dan dibaca dalam kumpulan *Jam ‘u Jawāmi ‘ al-Muṣannafāt* sehingga sekarang ini. Dengan kewujudan sejumlah naskhah manuskrip kitab *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb* ini memungkinkan kajian lanjutan dibuat untuk melihat ketepatan dan variasi teks yang ada berbanding cetakan litograf yang telah dihasilkan.

b. Aspek Epistemologi dalam *Dawā’ al-Qulūb min al-‘Uyūb*

Aspek epistemologi yang dapat dilihat dalam kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini ialah berkenaan dengan persoalan ilmu. Perihal ilmu ini dikemukakan oleh Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien pada awal kitab ini dan ia amat penting dalam merencanakan penyusunan struktur kandungan pembelajaran Islam warga emas. Beliau menyebut mengenai ilmu dalam kitab ini secara ringkas, menyentuh mengenai nilai ilmu, kelebihan ilmu dan juga sedikit mengenai klasifikasi ilmu. Walaupun secara ringkas, ia kelihatan menjelaskan beberapa faham penting berkaitan ilmu dan dasar kepada kurikulum pendidikan. Mengenai nilai ilmu, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien menjelaskan bahawa ilmu lebih utama daripada amal, ilmu merupakan pohon kepada ibadah seseorang. Beliau menjelaskan (Isma'īl, t.t.: 119):

Dan setengah daripada adab murid itu sentiasa ia menuntut ilmu, jangan ditinggalkan akan tuntutan kerana ilmu itu pohon ibadah. Maka tiap-tiap pohon itu terlebih mulia daripada segala daunnya dan buahnya seperti sabda Nabi SAW:

أنا خزينة العلم وعلي بابها

Yakni, aku perbendaharaan ilmu dan Ali itu pintunya.

Mengenai kelebihan ilmu pula, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien juga menjelaskan hal ini dengan terperinci pada beberapa tempat. Antaranya beliau mengatakan (Isma'īl, t.t.: 94):

Dan takut itu perbendaharaan segala kebajikan yang membawa kepada masuk syurga dan adalah orang yang alim ini terlebih besar martabatnya:

(العلماء ورثة الأنبياء)

Sabda Nabi SAW: Bermula ulama itu mengambil pusaka daripada *anbiyā'* itu besar martabat. Demikianlah ulama pula kerana mereka itu mengambil pusaka daripada *anbiyā'*. Dan adalah bagi ulama itu tujuh ratus pangkat yang lebih daripada pangkat mukminin yang antara tiap-tiap dua pangkat itu perjalanan lima ratus tahun, demikianlah tersebut dalam hadith.

Manakala pada tempat lain pula, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien membandingkan kelebihan ilmu dengan harta. Beliau membawa kisah golongan Khawarij berhadapan dengan Sayyidina Ali dan mengajukan soalan berkenaan dengan kelebihan ilmu. Mengenai hal ini, beliau mengatakan (Isma'īl, t.t.: 119-120):

Yakni, aku perbendaharaan ilmu dan Ali itu pintunya. Maka didengar hadith ini kaum Khawarij, dengki mereka itu akan dia dan berhimpun mereka itu sepuluh orang yang besar dan kata mereka itu: Kami tanyalah daripada Sayyidina Ali masalah yang satu, betapa dijawab akan kami, maka jika ia jawab bagi seorang daripada kami akan jawab yang lain, maka sabitlah ia alim seperti kata Nabi

SAW. Maka datang seorang daripada mereka itu serta katanya: Ya Ali, adakah ilmu terlebih afdal atau harta? Maka jawabnya: Ilmu itu terlebih baik daripada harta. Maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Ilmu itu pusaka daripada *Anbiyā'* dan harta itu pusaka daripada Qārūn dan Fir'aun. Maka kembali ia dengan jawab ini. Maka datang yang kedua dan menanya ia seperti tanya orang yang pertama, maka jawabnya seperti yang pertama, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Harta itu sangat susah engkau mengawal dia dan ilmu mengawal ia akan dikau. Maka kembali ia. Maka datang yang ketiga dan menanya ia seperti yang pertama dan jawabnya seperti yang pertama. Maka katanya: Apa dalil engkau? Maka katanya: Adalah yang mempunyai harta seteru yang amat banyak dan orang yang mempunyai ilmu beberapa sahabat yang amat banyak. Maka kembali ia. Maka datang yang keempat seperti yang dahulu jua. Maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawab: Apabila engkau biaya pada harta kurang ia, dan engkau biaya pada ilmu bertambah-tambah ia. Maka kembali ia. Maka datang yang kelima seperti yang dahulu jua, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawab: Orang yang mempunyai ilmu harta diseru akan dia dengan nama kikir, dan yang mempunyai ilmu diseru dengan nama mulia dan besar. Maka kembali ia. Maka datang yang keenam seperti yang dahulu jua, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Harta itu dapat dicuri dan ilmu tiada dapat dicuri. Maka kembali ia. Maka datang yang ketujuh seperti yang dahulu jua, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Yang mempunyai harta dihisab pada hari Kiamat dan yang mempunyai ilmu tiada dihisab dan memberi syafaat ia akan segala manusia. Maka kembali ia. Maka datang yang kedelapan seperti yang dahulu jua, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Yang mempunyai harta teringat-ingat ia dengan panjang duduknya dan yang mempunyai ilmu tiada teringat-ingat ia dan tiada hirau ia. Maka kembali ia. Maka datang yang kesembilan seperti yang dahulu jua, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Yang mempunyai ilmu diseru dengan 'ubūdiyyah dan yang mempunyai harta diseru dengan nama rubūbiyyah dengan sebab harta. Maka kembali ia. Maka datang yang kesepuluh seperti yang dahulu jua, maka katanya: Apa dalil engkau? Maka jawabnya: Ilmu itu jadi kota akan dirinya. Kemudian berkata Ali RA jika kamu tanya akan daku daripada masalah ini selama ada umurku nescaya aku jawab akan kamu dengan jawab yang berlain-lain.

Perkara ketiga yang dikemukakan oleh Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien mengenai epistemologi ilmu ialah berkenaan pembahagian ilmu. Beliau secara tidak langsung menjelaskan dua jenis pembahagian ilmu dalam *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*. Pertama, ilmu bermanfaat dan penjelasan mengenainya, manakala kedua ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Mengenai ilmu bermanfaat ini, beliau menjelaskan (Isma'īl, t.t.: 94):

Maka ilmu yang memberi manfaat itu yang jadi bertambah takutmu akan Allah Taala dan bertambah bencimu kepada dunia, bertambah pengetahuanmu akan jahat dirimu. Tiada kau dapat akan yang demikian melainkan ilmu Tasawuf jua tiada yang lain. Inilah ilmu yang seyogianya kau karamkan segala umurmu yang panjang mengajar dia, jangan kau padakan

dengan banyak kau ketahui akan dia kerana manakala bertambah ilmumu nescaya bertambah takutmu akan Allah Taala. Dan takut itu perbendaharaan segala kebijakan yang membawa kepada masuk syurga dan adalah orang yang alim ini terlebih besar martabatnya:

(العلماء ورثة الأنبياء)

Sabda Nabi SAW: Bermula ulama itu mengambil pusaka daripada anbiyā' itu besar martabat. Demikianlah ulama pula kerana mereka itu mengambil pusaka daripada anbiyā'. Dan adalah bagi ulama itu tujuh ratus pangkat yang lebih daripada pangkat mukminin yang antara tiap-tiap dua pangkat itu perjalanan lima ratus tahun, demikianlah tersebut dalam hadith.

Selain itu, Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien juga menjelaskan pembahagian ilmu berdasarkan ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Kedua-dua kelompok ilmu ini perlu difahami sama ada oleh guru mahupun murid. Kefahaman mengenai pembahagian ini dapat mengelakkan daripada kekeliruan semasa belajar dan memberi perhatian kepada perkara yang tidak sepatutnya. Antara contohnya, beliau menegaskan bahawa pembelajaran ilmu Fardu Ain itu lebih utama dan lebih terdahulu daripada ilmu Fardu Kifayah. Beliau turut menjelaskan ilmu Fardu Ain itu merangkumi ilmu Tauhid, Feqah dan Tasawuf. Ketiga-tiga ilmu inilah yang menjadikan tuntutan Fardu Ain seseorang itu lengkap sebagai seorang mukmin. Mengenai hal ini beliau mengatakan (Isma'īl, t.t.: 93-94):

Keenam belas, menegahkan orang yang belajar Fardu Kifayah dahulu daripada selesai Fardu Ain. Bermula Fardu Ain itu ilmu fekah yang ta[k] dapat tiada dan ilmu tauhid yang ta[k] dapat tiada dan ilmu tasawuf yang ta[k] dapat tiada. Ketujuh belas, beramal ia seperti ilmunya supaya diikuti oleh muridnya.

Dan beri adab olehmu hai murid akan ibu bapamu seperti kau beri adab akan gurumu, kerana ibu bapamu itu seperti gurumu jua pada pihak wajib adabmu akan keduanya. Dan jangan musafir engkau melainkan dengan izin keduanya, maka jika engkau musafir kerana naik haji yang fardu atau kerana menuntut ilmu jikalau ilmu Fardu Kifayah sekalipun maka yang demikian itu harus bagimu dengan tiada izin keduanya.

Di samping itu, selaras dengan perhatian Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgien mengenai kepentingan dan keutamaan ilmu Tasawuf, beliau menjelaskan akan kepentingan ilmu ini diberi perhatian dalam pendidikan. Hal ini disebabkan ilmu Tasawuf merupakan ilmu yang bermanfaat dan ilmu yang boleh mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh beliau. Ilmu Tasawuf juga mampu memberi pengetahuan kepada seseorang mencapai *ma'rifah al-Ḥaq*. Mengenai hal ini beliau menjelaskan (Isma'īl, t.t.: 94-95):

Syahadan, adalah ilmu Tasawuf itu ialah ilmu Tarekat. Dan ilmu Tarekat itu jalan kepada ilmu Hakikat. Maka sebab itulah orang yang berbuat amal seperti yang dalam ilmu Tasawuf itu nescaya hasillah padanya ilmu Hakikat dan jika

tiada mengajar ilmu Hakikat sekali-kalipun tetapi jika belajar ilmu Hakikat dengan tiada kau amal seperti amal yang dalam ilmu Tasawuf itupun tiada dapat kau ketahuikan akan dia. Dan tiada yang terlebih mulia dan terlebih dimaksud segala manusia melainkan ilmu Hakikat jua, kerana hakikat itu jalan kepada ma'rifah dan ma'rifah itulah jalan mengenal Haq Ta'ala. Dan tiada yang dimaksud lain daripada Haq Ta'ala sebab itulah kasih aku bahawa ku nyatakan ilmu Tarekat dalam kitab ini dengan sempurna nyatanya supaya jadilah kitab ini akan jalan bagimu kepada kau ketahui ilmu Hakikat dan ilmu Makrifat jika kau amalkan seperti yang telah tersebut dalam kitab ini dengan sungguh-sungguh hatimu.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa manuskrip Melayu bukan sahaja membincangkan isu asas agama, malah juga merangkumi perihal ilmu dan pendidikan secara umum dan khususnya boleh dilanjutkan kepada pendidikan warga emas. Antaranya ialah manuskrip kitab *Tibyān al-Marām* dan juga *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* yang diketengahkan di sini amat menarik dan istimewa. Beberapa aspek utama epistemologi dalam kedua-dua kitab tersebut ditinjau dalam penulisan ini. Mengenai konsep asas ilmu, kitab *Tibyān al-Marām* menjelaskan melalui dua kata kunci utama iaitu ilmu dan fiqh. Pentakrifan yang dikemukakan ini selaras dengan tradisi epistemologi dan pemikiran para sarjana Islam, khususnya Imam Abū Ḥanīfah (m.150H), al-Nasafī (m.507H) dan juga al-Taftāzānī (m.793H). Penjelasan mengenai konsep ilmu ini amat relevan untuk diketengahkan dan dibahas dalam konteks merencana struktur kandungan pembelajaran Islam untuk warga emas. Selain itu, kedua-dua kitab ini juga menyetengahkan perbincangan mengenai pembahagian ilmu dan juga pemilihannya. Kedua-dua kitab ini kelihatan bersepakat dalam menjelaskan pembahagian ilmu berdasarkan Fardu Ain dan Fardu Kifayah, yang mana Fardu Ain lebih utama dan terdahulu daripada Fardu Kifayah. Dengan memahami konsep dan hakikat sebenar ilmu serta pembahagiannya sebagaimana yang dikemukakan dalam *Tibyān al-Marām* dan *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb* ini, diharapkan mampu memberi panduan yang tepat kepada para pendidik dan warga emas sendiri dalam merencana pembelajaran Islam mereka. Penulisan ini juga seterusnya berpotensi dikembangkan dengan lebih mendalam dalam menjamin kelestarian beragama warga emas dalam meniti kehidupan mereka dan menjayakan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) serta Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PWTEN).

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2022 (PPPI/FPQS/0122/USIM/13222). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Şamad al-Palimbani. t.th. *Hidāyah al-Sālikīn*. Fatani: Maṭba‘ah Bin Halabi.
- ‘Abd al-Şamad al-Palimbani. t.th. *Siyar al-Sālikīn*. Bangkok: Maktabah wa Maṭba‘ah Muhammad Nahdi wa Awladih.
- Abū Ḥanīfah. 2001. “Waṣiyyah”, dalam *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī, Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Ahmad Shukri Abdul Hamid & Norliza Mokhtar. 2018. “*Malaysia Menuju Negara Tua: Apakah Yang Boleh Dipelajari Daripada Pengalaman Negara Jepun?*”. diakses daripada <http://ocs.uthm.edu.my/uthmocr/index.php/hsp/article/view/307>.
- Amran Hassan, Noriah Mohamed & Zubaidah Rasol. 2013. “*Perasaan ‘Loneliness’@ kesunyian dan strategi daya tindak dalam kalangan warga emas yang menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor*”. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/328369055_Perasaan_'Loneliness'_Kesunyian_dan_Strategi_Daya_Tindak_Dalam_Kalangan_Penghuni_Warga_Emas_di_Rumah_Seri_Kenangan_Cheras.
- Arasy Masut @ Masod & Mashitah Abdul Mutalib. 2019. “Menerajui Usia Emas Yang Berkualiti: Kajian Kes Di Pondok Warga Emas, Madrasah Ibnu Mas‘ud, Segamat”, *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, (6): 25-29.
- Awang Sariyan. 2010. *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP.
- Azman Ab Rahman. 2019. “Peranan Institusi Zakat Dan Model Pengurusan Kebajikan Warga Emas Berasaskan Maqasid Syariah: Tinjauan Awal Di Selangor”, *E-Prosiding Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan 2019: Menuju Pengurusan Patuh Syariah*, 36-42.
- Belanjawan 2020: RM575 juta bantu 137,000 warga emas. (2019, Oktober 11). Didapatkan dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/10/505991/belanjawan-2020-rm575-juta-bantu-137000-warga-emas>
- Berg, B. 2009. *A Dramaturgical Look At Interviewing, Qualitative Research Methods for the Social Sciences*, Boston: Allyn & Bacon.
- Demographic Statistics Fourth Quarter 2019, Malaysia. (2020, Februari 11) Didapatkan dari https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=430&bul_id=UDc0eVJ4WEJiYmw0Rmt5cjYvWHFkdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: DBP.
- Fithriah Wardi. 2019. “Modul Fiqh Warga Emas: Perlukah?”, *E-Prosiding Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan 2019: Menuju Pengurusan Patuh Syariah*, 94-99.
- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥamad. 2011. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh dan Jamilah Ahmad. 2002. *Traditional Malay Literature*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.jkm.gov.my/>
- https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cmedia3&menu_id=MVlqWGE1RTdFZlRPQXNqeWs0VFEvUT09&title_sort=DESC

- <https://www.epu.gov.my/en/wawasan-kemakmuran-bersama-2030>
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/543660/jumlah-rakyat-warga-emas-meningkat-223-juta>
- Husaini Kasran. 2014. *Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan Warga Emas, Tesis Master Sekolah Pengajian Siswazah*, UPM.
- Implikasi penuaan penduduk. (2016, Januari 27). Didapatkan dari <http://www.myhealth.gov.my/implikasi-penuaan-penduduk/>
- Ismā'īl Bāshā al-Baghdādī. 1955. *Hadiyyah al-‘Ārifīn: Asmā’ al-Mu’allaḥīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn*, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Isma‘īl ibn ‘Abd al-Muṭallib al-Ashī. t.th. *Jam ‘u Jawāmi‘ al-Muṣannaḥāt*. Fatani: Maṭba‘ah Bin Halabi.
- Khatijah. 2017. “Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH): Ke Arah Melahirkan Generasi Seimbang Untuk Pembangunan Negara”, *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 12 (Special Edition): 107-119.
- Khayr al-Dīn al-Zirkilī. 1999. *al-A‘lām*, cet. ke-14, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- M.Mustaqīm Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat. 2014. “Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar”, *Jurnal Filologi Melayu*, 25: 132-152.
- Mariam binti Abd.Majid. 2017. “Program Pendidikan Warga Emas Di Institusi Pondok Al-Jenderami Negeri Selangor”, *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 1: 1-14.
- Mohd Anuar Mamat & Che’Razi Jusoh. 2020. “Konsep Asas dan Pembahagian Ilmu Menurut Manuskrip Melayu: Suatu Penelitian Terhadap MSS 2906 (B) *Tibyān Al-Marām*”, *AFKAR*, Isu khas (2): 1-44.
- Mohd Anuar Mamat & M.Mustaqīm Mohd Zarif. 2019. “Keperluan Zikir dalam Pembelajaran Menurut Manuskrip Melayu: Kajian terhadap MSS2908(B) *Tibyān al-Marām*”, *Jurnal Al-Tamaddun*, 14 (1): 37-51.
- Mohd Anuar Mamat. 2017. “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15: 66-88.
- Muhamad Mustaqīm. 2016. “Peranan Ulama dalam Pembangunan Keintelektualan Melayu: Perspektif Sosio-Sejarah”, kertas kerja *Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa: Menyingkap Perjuangan Bangsa*. Shah Alam: UiTM, 8-10 Nov.
- Muhammad Khairi Mahyuddin, Roslee Ahmad, Atifah Mamat, Awatif Abdul Rahman. 2018. “Cabaran Abad 21 dan Keperluan Amalan Kerohanian oleh Warga Emas”, *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 1(2): 176-184.
- Muhammad Mustaqīm & Mohd Anuar Mamat. 2020. *Petua Menuntut Ilmu: Tibyān al-Marām*. Kuala Lumpur: PNM.
- Nabila Yasmin. 2016. *Mi‘rāj al-Sālikīn Karya Muḥammad Khaṭīb Langgīn dalam Tradisi Tasawwuf Di Aceh Abad Ke-19*. Disertasi MA, Kuala Lumpur: UTM.
- Nik Norliati Md Nor. 2018. “Trend Penuaan Penduduk: Satu Sorotan Karya”. *Journal of social Sciences and Humanities*. 13 (2): 116-130.
- Nor Raudah. 2015. “Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami”. *Jurnal Ushuluddin*, 41: 73-94.

- Nor Yadizah Yahya. 2018. Pembinaan dan Penilaian Modul Pembelajaran Bahasa Arab untuk Warga Emas, Tesis PhD, Sekolah Pengajian Siswazah, UPM.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (PNM). 2003. *Katalog manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: PNM.
- Prediction Malaysia Population 2030 by Department of Economic and Social Affairs, United Nation. Didapatkan dari <https://population.un.org/wpp/DataQuery/>.
- Rosnani Hashim. 2007. “Penyelidikan dalam Pendidikan Islam di Abad Baru: Permasalahan Reka Bentuk dan Metodologi”, dalam *Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab*, Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari
- Siti Hawa Salleh. 2010. *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur: ITNM.
- Syahidah Husna. 2020. *Malaysia 2030: Cabaran Negara Tua, Perspektif 16/2020*. Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIT).
- Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar. 2016. “Kerangka komprehensif pemikiran Melayu abad ke-17 masihi berdasarkan manuskrip Durr al-Farā'id karangan Sheikh Nurudin al-Raniri”, *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27(2): 119-146.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2019. *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: CASIS.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah 2007. Syeikh Muḥammad Khaṭīb Langgīn: Ulama Sufi Penyebar Tarīqat Shaṭṭariyah (artikel pada 12 April 2007 dan di akses melalui web: <http://ulama-nusantara.blogspot.com/>)
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2001. “Beberapa Aspek Epistemologi al-Shaykh Zayn al-‘Abidin B. Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya Aqīdah al-Nājin fi ‘Ilm Uṣūl al-Dīn”. *AFKAR*, 2(1): 107-122.
- Wawan Wahyuddin. 2016. “Pendidikan Sepanjang Hayat Menurut Perspektif Islam (Kajian Tafsir Tarbawi)”, *Saintifika Islamica: Jurnal Kajian Keislaman*, 3(2): 191-208.
- Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī. t.th. *Aqīdah al-Nājin*, Thailand: Matba’ah Bin Halabi.